

# Seni politik, politik seni

UB 29.4.2018 B2



CATATAN  
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS

**S**EJAK wujud manusia di bumi ini mereka sentiasa berkumpul serta mengikut pemimpin di mana sahaja mereka berada. Oleh kerana sifat manusia adalah berkeluarga dan bermasyarakat maka sejak zaman berzaman manusia sentiasa bergerak dan berpindah ke tempat yang lebih baik dengan mengikut pemimpin.

Oleh kerana sifat itu manusia memerlukan pemimpin dan pemimpin biasanya mempunyai sifat mentadbir, mengetuai, mengurus, karismatik dan berwibawa. Dalam sejarah manusia sejak dahulu lagi terdapat tokoh yang menggariskan falsafah kaedah serta cara memimpin berdasarkan kepada aliran politik tertentu.

Ahli falsafah yang menggariskan pendekatan kepimpinan rakyat umpamanya seperti Plato dengan Republic, Pericles dengan demokrasi Greek purba, Abraham Lincoln demokrasi moden, Mark dan Engles komunisme,

serta Niccolo Machiavelli seorang negarawan Florence, Italy dan dianggap sebagai bapa politik moden oleh sesetengah tokoh politik dunia dengan bukunya *The Prince* dicetak pada tahun 1512 menjadi panduan hingga hari ini. Politik atau siasah adalah sistem tertua mempunyai acuan tertentu. Oleh sebab itu kumpulan manusia sentiasa mencari pemimpin untuk memimpin mereka menuju jalan kebahagiaan hidup.

Peluang melihat pemilihan pemimpin dalam pilihan raya yang datang lima tahun sekali bukanlah satu yang biasa, oleh itu setiap tokoh atau calon yang bertanding biasanya mempunyai logo atau bendera mereka sebagai tanda atau identiti agar pengundi akan ingat mereka. Apabila sampai waktu untuk memilih pemimpin, maka khalayak akan ingat wajah serta logo mereka dan tidak salah memangkah mereka dalam pilihan raya.

Apabila Parlimen dibubarkan maka setiap sudut atau ceruk kawasan yang terdapat di kawasan kampung serta bandar akan ditenggelami dengan kartu nama, banner, banting, papan tanda, pamphlet, bendera berbagai saiz serta pewarnaan kawasan yang menjadi biru, merah, kuning, hijau dan warna warni kerana bahan-bahan promosi yang menunjukkan kegairahan manusia mengangkat diri untuk menjadi pemimpin rakyat.

Kebanjiran panji-panji pilihan raya juga kadangkala hingga memenuhi setiap jalan dan kawasan lalu lalang masyarakat hingga tiada ruang yang terselamat.

Maka di sini kita melihat bagaimana peranan seni lukis terutama sekali seni grafik berperanan mempengaruhi atau membentuk pemikiran khalayak, seperti



PANGROK Sulap. Cetakan kayu.

yang disarankan oleh tokoh komunikasi dunia Marshall McLuhan "Medium is the message." Antara lain beliau berpendapat bahawa kuasa media apa sahaja bentuknya yang sangat berpengaruh sehingga berupaya mengurut fikiran masyarakat awam dan boleh mengubah keputusan mereka.

Setiap calon mempunyai warna tertentu sama ada mereka bertanding di bawah parti tertentu ataupun bertanding secara individu atau bebas.

Sejak tahun bermulanya pilihan raya di Malaya, sudah terdapat logo bergambar atau logo huruf yang digunakan oleh calon. Pengalaman penulis semasa kecil lagi sudah ada kempen serta syarahan yang diadakan di padang sekolah dengan calon bertanding di kawasan tersebut berkempen setiap tempat dan kempen tersebut berjalan setiap masa.

Biasanya pada acara tersebut ditayangkan filem pacak dan tidak ketinggalan konsert serta berbagai-bagi acara hiburan bagi memanggil masyarakat berkumpul.

Sejak tahun 1957

sehingga hari ini, berbagai gambar atau logo telah dipersembahkan kepada rakyat umpannya terdapat logo dacing, basikal, kereta, kilat, kapal layar dan sebagainya. Budaya serta tradisi memasang bendera dalam bilangan yang banyak sehingga terciptanya suasana bertenaga dan bersemangat di kalangan khalayak ditiru dari budaya di zaman pemerintahan Nazi, Hitler.

Sebagai contoh konvensyen parti Nazi pada tahun 1923 bertempat di Nuremberg Austria, berbilangan bendera dipasang di setiap sudut serta kawasan di bandar tersebut dan bendera bermacam-macam bersaiz dari saiz kecil hingga besar membalut bangunan diarak oleh ribuan ahli untuk mewujudkan suasana *spectacle* atau kekaguman serta kegemilangan.

Jelas sekali kuasa serta pengaruh seni terhadap politik sangat berpengaruh hingga berupaya memukau khalayak. Begitu juga melalui ritual perarakan secara besar-besaran menjadikan imej sebuah parti politik atau siasah dapat mewujudkan konsep pembujukan keputusan mengangkat tokoh politik.

Pelukis Belanda serta Inggeris pada masa sama seperti Rembrandt, Peter Paul Reuben, Constable dan ramai lagi menghasilkan karya untuk tujuan mengangkat tokoh politik. Pendekatan tersebut telah banyak mempengaruhi suasana di negara kita kini apabila tiba musim pilihan raya. Pada masa ini perbelanjaan yang besar dikeluarkan oleh setiap parti yang bertanding bagi menaburkan bendera serta bahan identiti mereka agar diingat oleh mereka yang akan mengundi.

Pendek kata, walaupun di alam politik terdapat juga yang seni memainkan peranan. Di samping itu untuk membujuk rakyat yang akan membuat pilihan mereka terdapat tukang fotografi bagi merakamkan potret bakal pemimpin serta melantunkan imej diri mereka.

Biasanya gambar tersebut diolah oleh tukang fotografi melalui kaedah komputer

seperti aplikasi *photoshop* serta filem bagi mengangkat tokoh-tokoh tersebut. Maka pada masa seperti ini kepakaran seniman serta pelukis dituntut untuk meyakinkan rakyat dalam berbagai-bagi bentuk kesenian dan budaya.


Bukan sahaja di negara kita Malaysia bahkan setiap negara di dunia juga mendapatkan khidmat seniman serta pelukis meletuskan imej mereka kepada rakyat agar mengubah keputusan mereka. Sejak dahulu lagi terutamanya di barat, pelukis digalakkan menggambarkan pemimpin mereka melalui drama, filem, buku serta lukisan umpannya pelukis aliran Mannerism, Barok, serta Romantis biasanya melukiskan gambar indah serta berkarisma seperti Jean Houdon menghasilkan arca politikus Voltaire di Perancis.

Pelukis Belanda serta Inggeris pada masa sama seperti Rembrandt, Peter Paul Reuben, Constable dan ramai lagi menghasilkan karya untuk tujuan mengangkat tokoh politik.

Pelukis atau seniman secara lumrahnya adalah seorang politikus kerana menghasilkan karya yang berunsur politik, umpannya karya pelukis yang mengutarakan isu tertentu seperti alam sekitar, kemiskinan, keadilan dan sebagainya.

Pada masa yang sama juga terdapat pelukis yang menyindir atau menegur sikap kepimpinan tokoh politik serta pemerintah. Justeru itu ramai pelukis yang mengalami penindasan serta dihalau dari negara mereka kerana mengkritik pemimpin serta tokoh politik melalui karya mereka, umpannya Picasso, Francisco Goya, dan ramai lagi sekadar menyebut beberapa nama.

Picasso menghasilkan lukisan Guernica dipadankan dari nama bandar yang



WONG Hoy Cheong.  
Operation Lallang.

sama telah dihancurkan oleh perperangan kerana keganasan pemimpin seperti Hitler dan konco-konconya. Di samping itu juga dunia seni yang sepatutnya begitu tenang dan selesa juga tidak sunyi dari pengaruh politik.

Kadaan ini terjadi kerana organisasi dunia seni juga memerlukan kepimpinan serta pengurusan terutama sekali dalam hal yang berkaitan pameran, pemasaran karya, kepimpinan dan pengurusan institusi seni dan sebagainya.

Dunia seni sudah lama mempunyai institusi pameran dan pemasaran sejak zaman pertengahan lagi terutamanya di Eropah. Biasanya karya seni dipilih oleh badan atau jawatankuasa tertentu bagi membolehkan pelukis menyertai pertandingan seni yang berprestij terutamanya penganjuran kerajaan. Kadang kala disebabkan tidak secocok dengan polisi atau agenda pemerintah, terdapat karya seni yang dilarang untuk dipamerkan atau bertanding di dalam sesuatu pameran umpannya pelukis tahunan "Salon" di Perancis pada abad ke lapan belas.

Keadaan yang serupa juga berlaku di negara kita apabila terdapat beberapa orang pelukis yang karya mereka diturunkan dan dilarang untuk dipamerkan atas dasar keselamatan awam atau juga pendapat yang berbeza umpannya karya Ibrahim Hussein yang bertajuk "13 Mei" yang tidak dibenarkan untuk dipamerkan oleh kerana suasana rakyat yang tidak tenteram pada tahun 1970.

Begitu juga halnya yang berlaku kepada pelukis lain seperti Wong Hoy Chong yang bertajuk "Operasi Lallang" telah dilarang untuk sebuah pameran di Balai Seni Lukis Negara. Situasi ini juga berlaku kepada sebuah kumpulan pelukis di negeri Sabah yang telah diturunkan karya serta dibatalkan dalam pameran di Japan Foundation Kuala Lumpur serta beberapa buah instalasi pelukis kolaborasi pelukis Malaysia dan Indonesia dalam pameran berprestij, Kuala Lumpur Biennale pada tahun 2017 kerana terdapat isu sosial komen yang menyindir pihak tertentu.

Pendek kata, politik ada di mana-mana dalam hidup manusia. Begitu juga seni yang sentiasa menghias kehidupan serta aktiviti manusia untuk tujuan kelangsungan hidup mereka. Justeru itu, tidak dinafikan bahawa dalam politik terdapat unsur seni dan dalam seni terdapat pengaruh politik.

filem, drama puisi, buku dan karya kreatif yang dilarang untuk dipamerkan kepada khalayak atau tatapan umum atas sebab mengkritik atau tidak sehaluan dengan kepimpinan pemerintah atau politik semasa.

Dalam senario yang lain, pelukis sering berdepan dengan kekangan serta halangan terutama apabila karya mereka tidak dipilih untuk dipasarkan atau dipamerkan oleh galeri kerana tidak sehaluan dengan politik galeri, maka biasanya terdapat karya pelukis yang baik tidak dipilih untuk dipamerkan dan biasanya pelukis tersebut akan menghadapi kesusahan kerana karya mereka tidak dipasarkan oleh institusi galeri terutamanya dalam pesta lelongan tahunan seperti di Kuala Lumpur Art Festival (Art Fest).

Jelas sekali dalam dunia seni, politik memainkan peranan yang penting menentukan kehidupan rakyat begitu juga di persada dunia seni, politik yang sebenarnya menentukan naik atau turunnya seseorang pelukis itu. Oleh sebab itu menurut Piccolo Machiavelli konsep "The mean justifies the end" atau kaedah menghalalkan cara diterima pakai dan bersesuaian dalam mengurus tadbir manusia serta perniagaan untuk tujuan status quo oleh pihak tertentu.

Menurut Piccolo Machiavelli bapa politik moden, untuk mengekalkan kuasa atau kepentingan di mata masyarakat atau di dalam sesebuah organisasi, keperluan menghalalkan beberapa kaedah tanpa belas kasihan terutamanya berkaitan moral dan nilai peradaban.

Pendek kata, politik ada di mana-mana dalam hidup manusia. Begitu juga seni yang sentiasa menghias kehidupan serta aktiviti manusia untuk tujuan kelangsungan hidup mereka. Justeru itu, tidak dinafikan bahawa dalam politik terdapat unsur seni dan dalam seni terdapat pengaruh politik.

\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\*

PABLO Picasso.  
Guernica. Catatan Minyak.

